

01/07/2000

Kembara puisi dari pulau ke pulau

Ismas Saring

AWAL April lalu penulis kembara di bumi Aceh, khususnya di Aceh Tengah dan menikmati udara segar di Takengon, Desa Rusip, Samarkilang dan puncak Pantan Terong yang sudah ditukar namanya kepada Jabal Mahdur dalam misi mengintai peluang hidup di samping berpuisi.

Kehadiran penulis di tanah Aceh itu entah buat kali yang keberapa sudah tidak ingat lagi kerana pengalaman penulis meliputi destinasi pelancongan di Indonesia adalah kerap.

Kira-kira genap dua bulan selepas ke Aceh penulis dipelawa penyair nombor wahid dari Bumi Hang Tuah Dr Noor S M yang merencanakan untuk membawa delegasi penyair ke Kepulauan Riau.

Semuanya bermula di halaman Rumah Pena ketika acara Baca Puisi Bulanan Pena diadakan.

Lantas pakatan tidak formal itu dikemukakan kepada Timbalan Presiden Pena, Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain) yang amat bersetuju dan merestui cadangan itu.

"Nama kau dan Dr Ibrahim Ghafar aku masukkan dalam delegasi Kembara Puisi Pena itu," satu hari Noor SM menelefon dan tanpa banyak omong penulis menyanggupi serta memberi jaminan bahawa kami berdua pasti bersama demi Pena.

Oleh kerana pemergian menggunakan kenderaan laut dengan bermula di Pelabuhan Melaka kira-kira jam 11 pagi, maka terpaksa penulis dan Dr Ibrahim menumpang teduh di rumah Noor SM di Melaka.

Perlu juga dinyatakan bahawa pemergian kami atas daya usaha sendiri.

Tak minta sponser daripada sesiapa. Ertinya setiap peserta dikenakan sejumlah bayaran bagi keperluan dalam misi kembara itu.

Bukan percuma dan tiada siapa menjadi penaja kepada Kembara Puisi itu.

Namun demi Pena, penulis dan rakan-rakan melakukannya.

Sebagaimana biasa, saya mengingatkan Dr Ibrahim supaya bersedia dengan puisi Perjuangan Yang Belum Selesai karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mana tahu, kalau-kalau di sana nanti bukan menonton penyair baca puisi tetapi dituntun pula untuk membaca puisi.

Malam di Dumai panitia sambutan mengadakan acara khas bagi menyambut rombongan Kembara Puisi 10 orang dengan persembahan kebudayaan.

Sebagaimana yang dijangkakan, peserta rombongan diminta membaca puisi dan rasanya itulah kali pertama sajak Perjuangan Yang Belum Selesai berkumandang di bumi Indonesia yang dibawakan oleh Dr Ibrahim dengan penuh perasaan sehingga ada audien yang terkejut apabila Dr Ibrahim menghentakkan nadanya dengan kuat menyebut perkataan Melayu di akhir rangkap puisi.

Turut menyampaikan puisi ialah penyair tempatan dari kumpulan Sanggar Mayang dan Tyas AG manakala tarian dipersembahkan oleh Kumpulan Seri Inai.

Seorang peserta yang selama ini penulis kenal sebagai wartawan dan tak pernah baca puisi walau di malam Baca Puisi Pena tetapi malam itu sungguh memeranjatkan penulis sendiri apabila Abdul Jalil Ishak dengan suara yang lantang bersama kumpulan Sanggar Mayang yang disauk di Dumai menyampaikan puisi Si Luncai Terjun Dengan Labu-labunya yang lebih mirip kepada lagu puisi.

`Boleh tahan juga, boleh buat rekod lagu puisi mamat `ni' - fikir penulis.

Beberapa penyair tempatan seperti Tyas AG turut menyampaikan sajak

masing-masing termasuk penyair nombor wahid di Sumatera Alhaj Aris Abeba dengan sajaknya Dumai.

Mungkin bukan rasa geram Aris saja tetapi rakyat di kepulauan Sumatera juga berasakan begitu sebagaimana terdapat di dalam rangkap puisinya: inikah dumai kota putri tujuh/yang tak selesai disimbah peluh/inikah dumai kota minyak/yang tak habis-habis dihenyak/inikah dumai kota sejuta pipa/ yang tak di imbang rasa
inikah dumai
bagai bukti sinai

....

Audien ternyata jadi terpukau dengan penampilan Aris dan puisinya.

Mungkin jika tidak semua, tetapi sebahagian besar penghuni Sumatera setuju dengan Aris bahawa bumi Dumai yang sentiasa saja banjir dengan minyak tetapi rakyatnya secara berterus-terusan dihenyak, dan bukan saja lagi hanya mengeluarkan peluh ditubuh namun terpaksa mengeluarkan minyak di badan demi untuk mendapat sesuap nasi.

Dimana salahnya? Dan jika benar ada kesalahannya, siapakah penyebabnya? Cukup rasa ungkaian daripada sajak Dumai oleh Aris Abeba itu.

Terlalu sensitif untuk diberikan tafsiran.

Lebih-lebih lagi ia dapat dirasakan oleh setiap keping hati dan degup jantung di peringkat antarabangsa.

Semalam di Dumai penulis disajikan dengan sebuah kehidupan yang bagai lanting diulit bayu keras dari pulau dan samudera yang tidak mengenal batas keharmonian dan keselesaan hidup manusia.

Penulis ingin menggali lebih dalam ke jantung Dumai yang subur dan kaya, namun waktu tidak mengizinkan kerana meneruskan kembara ke destinasi yang sedia menunggu untuk didakap iaitu Bengkalis. Jam 8 pagi sudah nongkrong (bertinggung) dalam bot laju menuju Bengkalis.

Laut bagai selalunya bermain ombak - puisi meniti riak - Bengkalis semakin dekat berbalam.

(END)